



**PENGUMUMAN BERHUBUNG PELAKSANAAN SERAH SIMPAN
PENYATA TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN MELALUI PORTAL
MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS)**

Dimaklumkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan menawarkan perkhidmatan bagi serah simpan Penyata Tahunan, Penyata Kewangan dan Permohonan Pengecualian berkaitan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan melalui portal *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) bermula pada 28 September 2018. Pada peringkat awal pelaksanaan, serah simpan menggunakan MBRS bagi perkhidmatan yang ditawarkan adalah secara sukarela (*voluntary*).

Pelaksanaan MBRS bagi serah simpan Penyata Tahunan, *Certificate for Exempt Private Company (EPC)* dan Penyata Kewangan Tidak Diaudit secara mandatori akan bermula di Kuala Lumpur, Selangor dan akan diperluas ke seluruh negara seperti jadual berikut:

Zon	Negeri	Tarikh Pelaksanaan
Zon Tengah	Kuala Lumpur dan Selangor	November 2018
Zon Selatan	Negeri Sembilan, Melaka dan Johor	Disember 2018
Zon Timur	Pahang, Kelantan dan Terengganu	Januari 2019
Zon Utara	Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang	Februari 2019
Malaysia Timur	Sabah, Sarawak dan Labuan	Mac 2019

Pelaksanaan MBRS bagi serah simpan Penyata Kewangan Teraudit secara mandatori akan ditetapkan kelak.

Pengguna adalah digalakkan menggunakan MBRS bagi perkhidmatan yang ditawarkan sebelum pelaksanaan secara mandatori dikuatkuasakan oleh SSM.

Maklumat lanjut berkaitan MBRS boleh diperolehi di laman sesawang www.ssm.com.my. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000 atau emel kepada enquiry@ssm.com.my.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
27 September 2018